



"merealisasikan pembangunan mapan"

PELAN STRATEGIK 2010

KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA



Cetakan Pertama 2010

Kementerian Kerja Raya, Bahagian Perancangan Korporat

Hak Cipta Terpelihara.

Buku Pelan Strategik Kementerian Kerja Raya 2010

Penerbitan:

Bahagian Dasar dan Korporat
Kementerian Kerja Raya Malaysia
Tingkat 5, Blok B, Kompleks Kerja Raya
Jalan Sultan Salahuddin
50580 Kuala Lumpur

Tel : 603-2771 4553
Faks : 603-2711 1590
Laman web : www.kkr.gov.my



PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN KERJA RAYA 2010

kandungan

m/s

Prakata

| | |
|---------------------------------------|---|
| Perutusan Menteri Kerja Raya Malaysia | 7 |
| Prakata Ketua Setiausaha KKR | 8 |

BAHAGIAN I

| | |
|--------------------------|----|
| Sejarah Penubuhan KKR | 11 |
| Punca Kuasa | 13 |
| Struktur Organisasi | 14 |
| Peranan & Objektif | 17 |
| Stakeholders & Pelanggan | 18 |
| Visi, Misi & Moto | 19 |
| Nilai-nilai Bersama | 20 |

BAHAGIAN II

| | |
|--------------------------------------|----|
| Senario Perubahan Persekitaran | 23 |
| Program Transformasi Kerajaan (GTP) | 24 |
| 4 Tonggak Utama Negara | 25 |
| Analisis Soalan Parlimen 2009 | 26 |
| Analisis Aduan dan Media 2009 | 27 |
| KKR dalam Media | 28 |
| Projek Pembangunan RMKe-9 KKR | 30 |
| Projek Rangsangan Ekonomi | 31 |
| Prospek dan Strategi Pembangunan | 32 |
| Terus Berusaha ke arah Kecemerlangan | 34 |

BAHAGIAN III

| | |
|---|----|
| Strategi & Pelan Tindakan | 40 |
| Teras 1: Pembangunan Infrastruktur | 41 |
| Teras 2: Penyenggaraan Infrastruktur | 47 |
| Teras 3: Penggalakkan & Merangsang Industri Binaan Negara | 55 |
| Teras 4: Pengurusan Penswastaan Lebuhraya | 59 |
| Teras 5: Meningkatkan Keupayaan & Kapasiti Kontraktor, Tenaga Kerja dan Profesional | 63 |
| Teras 6: Meningkatkan Daya Saing Negara dalam Cabaran Liberalisasi | 67 |

kandungan

m/s

BAHAGIAN IV

MKPI

73

***Checklist* 2010**

74

Penerbitan KKR

77

Sistem Sokongan Teknologi Maklumat

79

BAHAGIAN V

Menjamin Kecemerlangan Organisasi

82

Model Kecemerlangan KKR

83



CADANGAN PEMBINAAN KOMPLEKS KKR II

perutusan menteri kerja raya



Assalamualaikum dan Salam 1Malaysia,

Proses pembangunan infrastruktur di Malaysia yang digubal sejak negara mencapai kemerdekaan telah berjaya dilaksanakan dengan berkesan hasil daripada proses perancangan yang disokong oleh dasar yang jelas dan strategik. Keupayaan pemimpin-pemimpin negara terdahulu dalam merencanakan program pembangunan infrastruktur telah memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia tidak kira yang berada di kawasan bandar mahupun di luar bandar.

KKR melalui agensinya iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Perbadanan Pembangunan Perkhidmatan Profesional (PSDC), Lembaga Jurutera (LJM), Lembaga Arkitek (LAM) dan Lembaga Juruukur (LJBM) hendaklah bersama-sama berganding bahu sebagai satu pasukan untuk memastikan program pembangunan infrastruktur negara dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Kekuatan KKR selaku penasihat teknikal utama Kerajaan perlu diperkukuhkan lagi dengan mengambil kira faktor perubahan semasa yang berlaku di persekitaran. Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh KKR pada hari ini perlu ditangani dengan lebih efisien dan efektif. Oleh itu, strategi-strategi yang lebih memberi impak perlu digubal dan dilaksanakan dengan segera supaya KKR menjadi lebih proaktif dan bukan hanya reaktif dalam menyelesaikan sesuatu isu atau masalah.

Akhir kata, adalah diharapkan supaya dokumen Pelan Strategik Jangka Pendek KKR Tahun 2010 ini dapat direalisasikan kerana yang paling utama adalah *outcome* yang dapat memberi impak kepada pelanggan serta *stakeholders*. Semangat *1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan* perlu dihayati sepenuhnya dan diterjemahkan melalui kejayaan dan kegemilangan yang pada akhirnya akan dinilai oleh rakyat.



Dato' Shaziman bin Abu Mansor
Menteri Kerja Raya Malaysia

prakata

ketua setiausaha

kementerian kerja raya



Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Pelan Strategik KKR 2010 ini menfokuskan kepada 6 teras strategik utama KKR iaitu di dalam pembangunan infrastruktur (jalan dan bangunan), penyenggaraan infrastruktur, menggalakkan dan merangsang industri binaan negara, pengurusan penswastaan lebuhraya, meningkatkan keupayaan dan kapasiti kontraktor, tenaga kerja dan profesional serta meningkatkan daya saing negara dalam cabaran liberalisasi. 6 teras strategik utama KKR ini tidak terkecuali menerima tempiasnya akibat perubahan persekitaran khususnya dari aspek politik, ekonomi, sosial dan teknologi.

Tujuan utama penerbitan buku ini adalah untuk memberi panduan kepada semua 17 Bahagian dan 7 Agensi di bawah KKR mengenai fungsi dan tanggungjawab masing-masing serta bagaimana setiap Bahagian/Agensi saling berkait rapat antara satu sama lain dalam menangani isu dan cabaran yang dihadapi. Tumpuan secara khusus ke atas cadangan penambahbaikan ini membolehkan KKR terus kekal relevan sebagai salah satu agensi Kerajaan yang dinamik serta mampu memenuhi ekspektasi rakyat terhadap pembangunan dan penyenggaraan infrastruktur di Malaysia.

Sehubungan dengan itu, adalah diharapkan buku ini dapat dijadikan rujukan oleh semua warga KKR dalam menjalankan amanah yang telah diberikan dan seterusnya merealisasikan pembangunan fizikal yang mapan di Malaysia. Selain itu, buku ini juga menyediakan panduan kepada mencapai penyampaian yang pelbagai (*diverse deliverables*) serta pengkhususan dan peranan yang berbeza (*multiple specialization*) yang memerlukan integrasi ke arah memberi yang terbaik kepada *stakeholders* dan pelanggan.



Datuk Thomas George
Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya Malaysia

BAHAGIAN I



KOMPLEKS KEMENTERIAN KERJA RAYA

sejarah penubuhan kkr

Pada tahun 1954, Kerajaan Inggeris telah mengambil langkah memisahkan pentadbiran Tanah Melayu (Malaya) daripada pentadbirannya yang berpusat di Singapura. Ini merupakan detik permulaan jabatan-jabatan kerajaan di Tanah Melayu dibenarkan melaksana polisi dan program masing-masing. Dalam tahun 1956, Ketua Menteri dan beberapa orang Menteri telah dilantik mengetuai Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Pada tahun yang sama, beberapa kementerian telah diwujudkan termasuklah Kementerian Kerja Raya dengan nama asalnya Kementerian Kerja Raya, Pos dan Telekom. Y.B. Encik Sardon bin Haji Jubir adalah Menteri pertama yang mengetuai Kementerian ini.

| Agensi | Tahun Penubuhan | Fungsi dan tanggungjawab Jabatan Kerja Raya telah dikekalkan dan diletakkan di bawah pentadbiran Kementerian ini. Pada tahun 1975, Kementerian ini telah disusun semula dan dinamakan Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan. Perkembangan pesat pembangunan dan sosioekonomi negara dalam tahun 1970an telah menyebabkan fungsi dan peranan Kementerian ini bertambah. Sesuai dengan peranan |
|--------|-----------------|--|
| JKR | 1872 | |
| KKR | 1951 | |
| LJM | 1972 | |
| LAM | 1972 | |
| LJBM | 1972 | |
| LLM | 1980 | |
| CIDB | 1994 | |
| PSDC | 2002 | |

tersebut, pada tahun 1978 sekali lagi nama Kementerian ditukar kepada Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan Awam. Walau bagaimanapun selari dengan pengkhususan tanggungjawab KKR iaitu merancang, membangun dan menyelenggara infrastruktur negara pada tahun 1980an, Kerajaan telah mengambil keputusan menamakan Kementerian dengan nama Kementerian Kerja Raya Malaysia dan nama itu kekal sehinggalah sekarang. Sejarah ringkas kepimpinan tertinggi KKR sejak penubuhannya pada 1 April 1951 sehingga tahun 2009 adalah seperti di Rajah 1.

PORTFOLIO KERJA RAYA DAN PERUMAHAN

(1.4.51 – 31.10.53)

AHLI : Y.B. Tuan R.B. Carey**SETIAUSAHA** : Tuan W.F.G. La Bailly**PORTFOLIO KERJA RAYA**

(1.11.53 – 8.8.55)

AHLI : Y.B. Tuan R.B. Carey**SETIAUSAHA** : Tuan W.F.G. La Bailly**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

(9.8.55 – 1.4.56)

MENTERI : Y.B. Encik Sardon bin Haji Jubir**SETIAUSAHA** : Tuan W.F. Grive**KEMENTERIAN KERJA RAYA, POS DAN TELEKOM**

(2.4.56 – 31.12.71)

MENTERI :

Y.B. Datuk Hj. Sardon bin Hj. Jubir (2.4.1956 - 17.11.1959)

Y.B. Tun V.T.Sambanthan (18.11.1959 – 31.12.1971)

SETIAUSAHA/SETIAUSAHA TETAP :

Tuan W.F. Grive (9.8.1955 – 22.11.1960)

Encik Jaafar bin Mohamed Taha (23.11.1960 - 30.6.1967)

Encik Abduk Aziz bin Zakaria (1.7.1967 – 28.11.1968)

**KEMENTERIAN KERJA RAYA DAN TENAGA**

(1.1.72 – 4.3.74)

MENTERI : Y.B. Dato' Haji Abdul Ghani Gilong**SETIAUSAHA TETAP** : Encik Abdul Ghani bin Mohd Don (7.1972 – 29.9.1974)**KEMENTERIAN KERJA RAYA DAN PENGANGKUTAN**

(5.9.74 – 4.3.76)

MENTERI : Y.B. Dato' Haji Abdul Ghani Gilong**SETIAUSAHA TETAP** : Encik Abdul Aziz bin Hj. Mohd Ali (30.9.1974 – 12.9.1976)**KEMENTERIAN KERJA RAYA & KEMUDAHAN – KEMUDAHAN AWAM**

(5.3.76 – 7.6.83)

MENTERI :

Y.B. Dato' Haji Abdul Ghani Gilong (5.9.1974 – 27.7.1978)

Y.B. Dato' Lee San Choon (28.7.1978 – 15.9.1980)

Y.B. Dato' S. Samy Vellu (16.9.1980 – 14.6.1989)

SETIAUSAHA TETAP/KETUA SETIAUSAHA :

Encik Abdul Aziz bin Hj. Mohd Ali (30.9.1974 – 12.9.1976)

Encik Mohd. Khalil bin Haji Hussein (13.9.1976 – 31.7.1979)

Y. Bhg. Tan Sri Rama Iyer (1.8.1979 – 1.3.1981)

Y. Bhg. Dato' Mohd Noor bin Hassan (2.3.1981 – 15.6.1984)

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

(8.6.83 – sekarang)

MENTERI :

Y.B. Dato' Seri S. Samy Vellu (16.9.1980 – 14.6.1989)

Y.B. Dato' Leo Moggie Anak Irok (15.6.1989 – 8.5.1995)

Y.B. Dato' Seri S. Samy Vellu (9.5.1995 – 15.3.2008)

Y.B. Dato' Sri Ir. Mohd Zin b. Mohamed (20.3.2008 – 9.4.2009)

Y.B. Dato' Shaziman b. Abu Mansor (10.4.2009 – sekarang)**KETUA SETIAUSAHA** :

Y. Bhg. Dato' Mohd Noor bin Hassan (2.3.1981 – 15.6.1984)

Y. Bhg. Dato' Abdul Aziz bin Hussain (16.6.1984 – 3.09.1987)

Y. Bhg. Dato' Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh (1.11.1987 – 11.5.1990)

Y. Bhg. Datuk Haji Mohd Khalil b. Datuk Hj Mohd Noor (12.5.1990 - 30.6.1994)

Y. Bhg. Datuk Yahya b. Yaacob (1.7.1994 - 11.1.1999)

Y. Bhg. Datuk Dr. Hadenan bin Abd. Jalil (12.1.1999 - 13.3.2000)

Y. Bhg. Dato' Megat Muhaiyuddin bin Megat Hassan (1.4.2000 - 3.4.2003)

Y. Bhg. Dato' Izzuddin bin Dali (1.5.2003 - 1.8.2004)

Y. Bhg. Dato' Ahmad Dhaman Huri bin Mohd Ali (2.8.2004 - 20.6.2005)

Y. Bhg. Dato' Syed Jamal bin Syed Jaafar (21.6.2005 - 26.1.2008)

Y. Bhg. Dato' Sri Dr. Abdul Munit bin Kasmin (27.1.2008 – 21.4.2009)

Y. Bhg. Datuk Thomas George (22.4.2009 – sekarang)

ketua-ketua agensi



KETUA PENGARAH KERJA RAYA MALAYSIA:

Y. Bhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin bin Abdul Karim



KETUA EKSEKUTIF CIDB:

Y. Bhg. Datuk Ir. Hamzah bin Hasan



KETUA PENGARAH LLM:

Y. Bhg. Dato' Ir. Hj. Ismail bin Md. Salleh



PRESIDEN PSDC:

Tuan Ir. Ahmad Asri bin Abdul Hamid



YANG DIPERTUA LJM:

Y. Bhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin bin Abdul Karim



YANG DIPERTUA LAM:

Y. Bhg. Dato' Ar. Nur Haizi bt. Abdul Hai




YANG DIPERTUA LJB:

Y. Bhg. Dato' Sr. Abdull Manaf bin Haji Hashim

puncakuasa

Senarai I dan II, Jadual ke-9, Perlembagaan Persekutuan
Akta Fungsi-fungsi Menteri 1969 [Akta 2]: Perintah Menteri-Menteri
Kerajaan Persekutuan 2009
Akta Kontrak Kerajaan 1949 (semakan 1973) [Akta 120]
Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376]
Kanun Tanah Negara 1965
Akta Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 [Akta 306]
Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333]
Akta Perwakilan Kuasa 1956 [Akta 358]: Perwakilan Kuasa di bawah
Seksyen 77, 84, 85 dan 85A Akta Pengangkutan Jalan 1987
Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980 [Akta 231]
Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 [Akta
520]
Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [Akta 138]
Akta Arkitek 1967 [Akta 117]
Akta Juru Ukur Bahan 1967 [Akta 487]
Pekeliling Am Bil.2 Tahun 1982 : Kedudukan Menteri, Ketua
Setiausaha dan Ketua Agensi sesebuah Kementerian
Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 : Kedudukan Menteri,
Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif dalam
Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan
BAB A (P.U. (A) 176/2005) Peraturan-peraturan Pegawai Awam
(Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan)
2005


struktur organisasi kkr




Maklumat Perjawatan di KKR dan Agensi sehingga Februari 2010

| BIL | AGENSI | JAW | ISI | KEKOSONGAN | | | % ISI |
|-----|---|---------------|---------------|------------|------------|--------------|--------------|
| | | | | P&P | SOK | JUM | |
| | KKR | 1,170 | 1,071 | 50 | 49 | 99 | 91.54 |
| | JKR | 11,537 | 10,306 | 573 | 658 | 1,231 | 89.33 |
| | JUM: (KKR+JKR) | 12,707 | 11,377 | 623 | 707 | 1,330 | 89.53 |
| | LLM | 330 | 230 | 60 | 40 | 100 | 69.70 |
| | CIDB | 346 | 346 | 0 | 0 | 0 | 100.00 |
| | PSDC | 49 | 35 | 13 | 1 | 14 | 71.43 |
| | JUMLAH: (KKR+JKR+ LLM+CIDB+PSDC) | 13,432 | 11,988 | 696 | 748 | 1,444 | 89.25 |
| | Kader ke Agensi Lain | 1,513 | 1,278 | 109 | 126 | 235 | 84.47 |
| | JUMLAH KESELURUHAN | 14,945 | 13,266 | 805 | 874 | 1,679 | 88.77 |


struktur organisasi jkr




struktur organisasi cidb



struktur organisasi Ilm



struktur organisasi psdc



peranan dan objektif

Merancang dan menyelaraskan projek-projek infrastruktur
Negara

Melaksanakan dan memantau projek-projek pembangunan infrastruktur

Menyelaraskan dan memantau semua jabatan dan semua agensi di bawah Kementerian Kerja Raya

Menyediakan perkhidmatan perundingan kepada agensi-agensi Kerajaan

Mengawal selia lebuhraya yang diswastakan

Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984

Akta Tol (Jalan Raya dan Jambatan) 1965

Mengembangkan industri pembinaan

Meningkatkan kemahiran tenaga kerja dalam industri pembinaan

Memantau penyenggaraan Jalan-jalan Persekutuan

Mengendalikan dan memantau penyenggaraan bangunan gunasama Kerajaan yang diswastakan


Membantu dalam pewartaan rizab Jalan Persekutuan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara

Sumber : Akta Fungsi-fungsi Menteri 1969 [Akta 2]: Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan 2009

stakeholders dan pelanggan



EKSPEKTASI



visi, misi dan moto

VISI

Menjadi organisasi peneraju dalam pembangunan infrastruktur dan memacu industri pembinaan negara yang lebih kompetitif di pasaran global.

MISI

Memastikan pembangunan infrastruktur dirancang, dilaksana dan disenggara dengan cekap dan berkualiti tinggi

Membangun, mengembang dan memantapkan industri pembinaan negara dan perkhidmatan profesional yang berdaya saing di pasaran global

Memastikan pembangunan kapasiti dan keupayaan kontraktor, profesional dan tenaga kerja sektor pembinaan dilaksanakan selaras dengan dasar negara

MOTO

“KE ARAH KESEJAHTERAAN RAKYAT”

nilai - nilai
bersama



BAHAGIAN II



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA
PUSAT KONVENSYEN CIDB

CIDB CONVENTION CENTRE

PUSAT KONVENSYEN CIDB



GALERI KOMPONEN IBS

IBS COMPONENT GALLERY

GALERI KOMPONEN IBS

senario perubahan persekitaran

| POLITIK | EKONOMI | SOSIAL |
|--|--|---|
| <p>Perubahan kepimpinan utama dan perbezaan fahaman politik di peringkat Persekutuan;</p> <p>Pengenalan dasar-dasar baru Kerajaan;</p> <p>Struktur politik di Sabah dan Sarawak;</p> <p>Permintaan (<i>demand</i>) yang semakin meningkat namun bajet semakin berkurangan;</p> <p>Penyelarasan antara dasar Kerajaan dan kehendak pemimpin politik setempat;</p> <p>Penyelarasan dengan rancangan pembangunan negeri; dan</p> <p>Memastikan pencapaian kepada NKRA dan KPI.</p> | <p>Agihan bajet yang semakin berkurangan;</p> <p>Memastikan program/projek yang dapat memberi nilai tambah (<i>value for money</i>);</p> <p>Pelaksanaan liberalisasi dan cabaran globalisasi;</p> <p>Ketidakstabilan harga barangan mentah, tenaga dan komoditi di pasaran dunia</p> <p>Kebergantungan Kerajaan kepada tenaga kerja asing;</p> <p>Peningkatan kos dan harga barang;</p> <p>Menyiapkan projek yang telah dirancang dan tidak dirancang (<i>ad hoc</i>);</p> <p>Pelaksanaan projek dengan standard dan kualiti;</p> <p>Pemilihan kontraktor yang lebih ketat;</p> <p>Menyesuaikan pembekal, kontraktor dengan projek yang sesuai dengan kemahiran dan kelayakan.</p> | <p>Pemahaman sepenuhnya konsep 1Malaysia;</p> <p>Ekpektasi rakyat terhadap tahap perkhidmatan dan akauntabiliti yang semakin meningkat;</p> <p>Mengendalikan persepsi dan imej;</p> <p>Meningkatkan penyertaan rakyat tempatan dalam industri pembinaan;</p> <p>Memastikan perkhidmatan dapat memberi impak kepada rakyat; dan</p> <p>Pengharmonian dan keseimbangan perkhidmatan yang diberikan.</p> |
| TEKNOLOGI | ALAM SEKITAR | PERUNDANGAN |
| <p>Capaian kepada maklumat yang lebih terbuka;</p> <p>Penggunaan teknologi baru dalam pembinaan</p> <p>Menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi yang berubah dengan pantas;</p> <p>Kekurangan pakar tempatan dalam bidang yang berteknologi tinggi;</p> <p>Bidang kepakaran tenaga kerja yang tidak bersesuaian dengan bidang tugas;</p> <p>Kekurangan modal kewangan;</p> <p>Tiada pusat latihan khusus bagi kakitangan JKR;</p> <p>Tiada aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D); dan</p> <p>Kurang penghargaan kepada inisiatif penghasilan inovasi dan kreativiti.</p> | <p>Pengenalan dan penggunaan teknologi hijau;</p> <p>Sistem pengurusan persekitaran/ Environmental Management System (EMS)</p> <p>Merealisasikan pembangunan yang mampan;</p> <p>Perubahan iklim global;</p> <p>Penggunaan bahan-bahan kitar semula;</p> <p>Penggunaan tenaga dan bahan alternatif; dan</p> <p>Penyusutan bekalan bahan-bahan asli.</p> | <p>Pertindihan tugas di antara agensi-agensi pelaksana sama ada di peringkat Pusat, Negeri dan Daerah.</p> <p>Kajian semula ke atas pengurusan kontrak termasuk kaedah pembayaran kepada kontraktor utama, sub-kontraktor dan pembekal;</p> <p>Meminimakan risiko dan tanggungan pihak Kerajaan di dalam perjanjian kontrak;</p> <p>Penguatkuasaan Akta Jalan Persekutuan;</p> <p>Mengenalpasti kuasa-kuasa yang berlebihan di dalam peruntukan undang-undang;</p> <p>Pembahagian dan perkongsian kuasa antara Persekutuan dan Negeri;</p> <p>Kedudukan projek Persekutuan di Negeri;</p> <p>Menguruskan kes-kes di mahkamah dengan sempurna.</p> |

program transformasi kerajaan (GTP)

“Skop GTP adalah meluas dan akan merangkumi setiap Kementerian dalam Kerajaan. Intipatinya dan yang paling penting, ia akan memberi tumpuan ke atas perkara-perkara utama yang amat penting bagi rakyat (sejajar dengan konsep Rakyat Didahulukan). Kerajaan akan membuat perubahan-perubahan penting demi mendatangkan hasil yang besar dan cepat (selaras dengan konsep Pencapaian Diutamakan) dan memastikan setiap warga Malaysia sama ada kaya atau miskin, di bandar dan di kampung, berpelajaran dan kurang berpelajaran, berkuasa dan kurang berkuasa akan menikmati hasil pembangunan negara dan tinggal dalam masyarakat yang pelbagai dan bersatu, di mana mereka akan menganggap diri mereka, pertamanya dan secara pentingnya seorang warga Malaysia (sejajar dengan konsep 1Malaysia)”

*Y.A.B Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak
28 Januari 2010*



empat tonggak utama negara

1MALAYSIA, RAKYAT
DIDAHULUKAN,
PENCAPAIAN
DIUTAMAKAN

PROGRAM
TRANSFORMASI
KERAJAAN (GTP)

MODEL EKONOMI
BARU (MEB)

RANCANGAN
MALAYSIA KE-10
(RMKE-10)

nKRA



MENGURANGKAN JENAYAH



MEMERANGI RASUAH



MELUASKAN AKSES KEPADA
PENDIDIKAN BERKUALITI



MENINGKATKAN TARAF HIDUP
RAKYAT BERPENDAPATAN RENDAH



MEMPERKASA PRASARANA LUAR
BANDAR DAN PEDALAMAN



MENINGKATKAN TAHAP
PENGANGKUTAN AWAM

analisis soalan parlimen 2009

Terdapat beberapa isu dan soalan yang sering dibangkitkan dalam soalan lisan/ bertulis termasuk soalan ketika sesi perbahasan dan penggulungan di Dewan Negara dan Dewan Rakyat pada tahun 2009 berikutan dengan perkara-perkara yang berlaku sepanjang tahun 2009.

Isu dan soalan yang paling kerap ditanya adalah berkaitan dengan **Pampasan Kerajaan kepada Syarikat Konsesi Tol**. Antara isu pampasan yang ditimbulkan adalah termasuk pampasan untuk pengambilalihan tol (*expropriation*), pampasan untuk pemansuhan kutipan tol dan juga pampasan kerana menangguhkan kenaikan kadar tol. Isu pampasan tol ini menjadi hangat di Parlimen berikutan terdapat pengumuman untuk menaikkan kadar tol di lima buah lebuhraya pada tahun 2009 mengikut perjanjian konsesi dan juga tindakan Kerajaan untuk menangguhkan kenaikan kadar tol tersebut.



Isu kedua yang sering dibangkitkan di Parlimen pula adalah berkaitan dengan **keselamatan** seperti kajian tanah runtuh di Bukit Antarabangsa dan Kajian Pelan Induk Cerun Negara (PICN) untuk memantau pembangunan di kawasan cerun. Isu ini turut dibangkitkan untuk memastikan tindakan pemantauan dan keselamatan cerun-cerun di Malaysia oleh Kerajaan supaya kejadian tanah runtuh tidak berulang lagi. Isu keselamatan mengenai MRR2 juga dibangkitkan semasa persidangan Parlimen 2009.

Isu seterusnya yang kerap ditanya adalah berkaitan dengan **Keruntuhan Bangunan** memandangkan terdapat beberapa siri kejadian bangunan dan jambatan runtuh di Malaysia pada tahun 2009 seperti keruntuhan bumbung Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin di Kuala Terengganu, Pasar Raya Jaya di Petaling Jaya dan jambatan gantung di Kuala Dipang, Perak. Selain tiga isu di atas yang sering dibangkitkan, isu-isu lain yang turut menjadi perhatian dan dibangkitkan oleh ahli-ahli Parlimen adalah berkaitan dengan Lebuhraya Pantai Timur dan juga **Kontraktor Kelas F**.



| Isu/Perkara | Kekerapan Soalan | Isu/Perkara | Kekerapan Soalan |
|-----------------------------|------------------|--------------------------------------|------------------|
| Pampasan kepada Konsesi Tol | 18 | Keruntuhan Bangunan | 9 |
| MRR 2 | 13 | Kontraktor Kelas F | 9 |
| Keselamatan Cerun | 13 | Projek Jalan Kota Bharu - Kuala Krai | 8 |
| Jumlah Kutipan Cerun | 12 | Projek Jambatan Sultan Yahya Petra | 7 |
| Lebuhraya Pantai Timur | 12 | Projek Jalan Muar By-Pass | 5 |

analisis aduan & media 2009

Pengurusan dan Penyelarasan Aduan Awam telah menunjukkan prestasi yang amat baik untuk tahun 2009. Pengurusan Aduan Awam semakin mantap setelah pelaksanaan sepenuhnya sistem i-SPAAA (Sistem Pemantauan Aduan Awam Agensi Kerajaan Bersepadu) yang mula dilaksanakan sepenuhnya pada awal November 2009. Walaubagaimanapun, sebelum Sistem i-SPAAA dilaksanakan di KKR, pengurusan aduan awam di KKR menggunakan Sistem e-Aduan yang bercirikan hampir sama dengan Sistem i-SPAAA yang dibangunkan oleh Biro Pengaduan Awam.

Statistik dan Trend Aduan Awam 2009

| BIL | AGENSI/JABATAN | BILANGAN ADUAN |
|---------------|---|----------------|
| 1 | Kementerian Kerja Raya (KKR) | 886 |
| 2 | Jabatan Kerja Raya (JKR) | 2,488 |
| 3 | Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) | 389 |
| 4 | Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) | 34 |
| 5 | Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) | 2 |
| 6 | Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) | 6 |
| 7 | Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) | 5 |
| JUMLAH | | 3,810 |

Sepanjang tahun 2009, jumlah keseluruhan aduan awam yang direkodkan oleh Unit Komunikasi Korporat (UKK) termasuk agensi di bawahnya adalah sebanyak 3,810 aduan. Tahap penyelesaian aduan mencapai 100%.

Daripada jumlah keseluruhan aduan awam yang diterima, KKR telah mencapai peratusan sebanyak 94.27% bagi jumlah tempoh maklum balas awal iaitu melebihi sasaran awal UKK iaitu 92%. Jabatan Kerja Raya merekodkan jumlah aduan tertinggi sepanjang tahun 2009, iaitu sebanyak 2,448 aduan diikuti KKR,

886 aduan dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), sebanyak 389 aduan. Selebihnya adalah melibatkan CIDB, LAM, LJBM dan LAM. Manakala peratusan aduan selesai dalam tempoh kurang dari 3 hari bekerja mencapai peratusan sebanyak 1,895 dari jumlah keseluruhan aduan atau sebanyak 50.26%.

Walau bagaimanapun, gabungan untuk tempoh penyelesaian aduan awam kurang daripada 7 hari mencapai peratusan sebanyak 82.77% atau 3,161 jumlah aduan selesai daripada jumlah keseluruhan aduan untuk tahun 2009. Ini menggambarkan prestasi terhadap respons aduan awam KKR adalah baik, mengambil kira *Standard Operational Procedure* (SOP) BPA yang meletakkan tempoh penyelesaian aduan awam perlu kurang daripada 15 hari. Daripada jumlah keseluruhan aduan awam KKR, saluran melalui emel / laman web merupakan penyumbang utama iaitu sebanyak 1,800 aduan atau 47.24% diikuti saluran Talian Bebas Tol sebanyak 19.08% dan SMS sebanyak 13.33%.

analisis aduan & media 2009

| BIL | KATEGORI | JUMLAH |
|-----|---|-------------|
| 1 | Jalan (Jalan Rosak/Berlubang/Tidak Rata/Tidak Siap) | 1265 |
| 2 | Perabot Jalan (pembahagi jalan, bonggol, papan tanda dan lain-lain) | 197 |
| 3 | Lampu (Lampu Jalan/Lampu Isyarat/Lampu Trafik Rosak/Perlu Kajian Sistem) | 510 |
| 4 | Jambatan & Bangunan | 58 |
| 5 | Kemudahan Awam (kawasan Rehat & Rawat/ flyover/ penghadang bunyi/dll) & Naik Taraf | 58 |
| 6 | Halangan Di Lebuhraya (Kesesakan Lalulintas/banjir/pokok-pokok besar menghalang dll) | 64 |
| 7 | Bayaran Tol (perkhidmatan tn'g/ smart tag/bayaran atau baki tol dll) | 76 |
| 8 | Kesan Pembinaan (Mengakibatkan banjir/longkang tersumbat/kerosakan atau kereta-kam rumah) | 85 |
| 9 | Polisi Kerajaan | 43 |
| 10 | Luar Bidang Kuasa/Tidak Berkaitan | 752 |
| 11 | Lain-Lain (Pendaftaran Lesen Kontraktor) | 702 |
| | JUMLAH | 3810 |

Saluran dan Kategori Aduan

11 kategori aduan awam KKR telah digunapakai untuk meneliti jenis / kategori popular aduan awam. Daripada 11 kategori tersebut, kategori Jalan (Jalan Rosak/Berlubang/Tidak Rata/Tidak Siap) mencatat peratusan tertinggi iaitu sebanyak 1265 atau 32.28% daripada keseluruhan aduan tahun 2009. Walaubagaimanapun, kategori melibatkan Lampu (Lampu Jalan/Lampu Isyarat/Lampu Trafik Rosak/Perlu Kajian Sistem) menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding tahun lalu iaitu mencatat kes sebanyak 510 aduan atau 13.38%. Namun dalam aspek Aduan Luar Bidang Kuasa yang dikategorikan aduan selesai serta merta mencatat peratusan sebanyak 19.7% atau 752 aduan.

Aduan melalui Akhbar

Trend aduan melibatkan akhbar seperti Surat Kepada Pengarang (SKP) dan laporan berita di akhbar menunjukkan angka peningkatan. Isu-isu yang menjadi sasaran dan perhatian adalah isu rebat tol, bayaran dan penyelenggaraan lebuhraya, lampu isyarat dan jalan berlubang serta pengurusan projek dan masalah mengenai kontraktor bumiputera.

kkp dalam media

Kesam lebih banyak lokasi cerun bahaya
buat kajian secara menyeluruh
Siap projek ikut atau disenarai hitam
45 kontraktor diberi amaran

Pemaju akan dipanggil
perjelas isu jambat

Concem over project on hillstone
Menteri jamin persimpangan Bukit Kiara diselesaikan segera

Kontraktor Malaysia dipelawa ke India
Pelbagai projek bernilai lebih AS\$666 ditawarkan

Syarat kontraktor ada pengalaman dikaji semula
Kerajaan sedia beri tender berdasar kemampuan, tawaran harga

Shaziman: New toll collection system likely
GEORGE TOWN: The roads authority is set to introduce the new toll collection system...

Rawang jam have become unbearable
I HAVE BEEN living in Country Homes for the past year and have noticed a traffic jam on the road to work every morning...

PWD's management weaknesses blamed
The right kind of PWD is needed to manage the country's roads...

Bas ekspres rempuh laluan plaza tol
Bas ekspres rempuh laluan plaza tol di Seremban...

Jurubina kena jawab
KUALA LUMPUR: Menteri Kanan, Datuk Seri Najib Tun Razak...

Jajaran baru lebih selamat di Gunung Pass - Shaziman
KUALA LUMPUR: Menteri Kanan, Datuk Seri Najib Tun Razak...



Bas ekspres rempuh laluan plaza tol
Bas ekspres rempuh laluan plaza tol di Seremban...

Kadar baru tol lebih memuaskan
KUALA LUMPUR: Menteri Kanan, Datuk Seri Najib Tun Razak...

PM: Toll review in final stages
KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak...

Delay in road project
KUALA LUMPUR: Menteri Kanan, Datuk Seri Najib Tun Razak...

Clear-out in T'ganu
KUALA LUMPUR: Menteri Kanan, Datuk Seri Najib Tun Razak...

Director, deputy and even technicians to go in shake-up
KUALA LUMPUR: Menteri Kanan, Datuk Seri Najib Tun Razak...

Jajaran baru lebih selamat di Gunung Pass - Shaziman
KUALA LUMPUR: Menteri Kanan, Datuk Seri Najib Tun Razak...

BAHAGIAN II

projek pembangunan RMK9KKR

Sumbangan utama Kementerian Kerja Raya (KKR) dalam menjana pertumbuhan sektor pembinaan negara adalah apabila berjaya menyiapkan sebanyak 278 projek yang bernilai RM8 bilion dalam tempoh 4 tahun pertama Rancangan Malaysia Ke-9(RMKe-9). Di bawah RMKe-9, KKR telah diperuntukkan sebanyak RM23.2 bilion untuk pelaksanaan 579 projek pembangunan. Daripada jumlah tersebut, RM19.0 bilion diperuntukkan untuk membiayai 367 projek jalan dan jambatan dan RM1.6 bilion diperuntukkan untuk melaksanakan 138 projek bangunan Kerajaan di seluruh negara serta selebihnya adalah peruntukan bagi projek bukan fizikal. Sehingga 31 Disember 2009, KKR telah membelanjakan sebanyak RM18.2 bilion dari jumlah peruntukan siling RMKe-9 atau bersamaan dengan 78.4%.

Selain pelaksanaan program pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun, KKR juga memantau dan melaksanakan projek-projek di bawah konsep penswastaaan. Penyenggaraan Jalan Persekutuan sepanjang 16,500 km adalah dilaksanakan secara penswastaaan oleh 8 syarikat konsesi dengan kos penyelenggaraan sebanyak RM340 juta bagi tahun 2010. Manakala penyelenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan di 60 lokasi yang melibatkan sebanyak 117 blok bangunan dilaksanakan oleh 3 syarikat konsesi dengan kos sebanyak RM68 juta bagi tahun 2010. KKR juga sedang berunding untuk menswastakan penyelenggaraan bangunan Persekutuan di zon tengah. Perjanjian konsesi ini dijadualkan akan ditandatangani pada pertengahan tahun 2010.

Dalam konteks penswastaaan lebuhraya pula, sebanyak 26 buah lebuhraya bertol sepanjang 1,592.96 km sedang beroperasi di Malaysia. Lebuhraya ini dikawalselia oleh 23 syarikat konsesi. Manakala KKR juga sedang memantau pembinaan 7 buah lebuhraya sepanjang 350 km. Daripada jumlah tersebut, 4 lebuhraya dijadualkan siap untuk dibuka sepenuhnya kepada pengguna dalam tahun 2010.

| Bil | Kategori Projek | Diluluskan | | Siap | | | |
|---------------------|---|------------|------------------|------------|-------------|------------------|-------------|
| | | Bil | Siling (RM juta) | Bil | % | Siling (RM juta) | % |
| 1. | Jalan dan Jambatan | 367 | 18,991 | 191 | 52.0 | 7,347 | 38.7 |
| 2. | Bangunan | 138 | 1,599 | 66 | 47.8 | 387 | 24.2 |
| 3. | Projek Bukan Fizikal (Kuari/IT/Kajian/PBT/Penswastaaan) | 74 | 2,585 | 21 | 28.4 | 248 | 9.6 |
| Jumlah Besar | | 579 | 23,175 | 278 | 48.0 | 7,982 | 34.4 |

*Sehingga 31 Disember 2009

pakej rangsangan ekonomi

Bagi menyuntik ekonomi negara yang turut terjejas akibat krisis ekonomi dunia, KKR selaku agensi pelaksana teknikal utama Malaysia telah diberi tanggungjawab yang besar melalui tambahan peruntukan istimewa Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE). KKR telah diperuntukkan sebanyak RM1.5 bilion bagi sama-sama memangkin aktiviti ekonomi dalam negara melalui kesan rantaian berganda serta merangsang aktiviti sektor swasta.

KKR melaksanakan peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi tersebut dalam 2 fasa. Dalam PRE Fasa 1, peruntukan RM95.0 juta telah diluluskan bagi melaksanakan 435 projek. Kesemua projek tersebut telah siap dilaksanakan dalam tahun 2009 dengan jumlah peratusan perbelanjaan sebanyak 99.2%. Melalui PRE Fasa 2 pula, sebanyak RM853.7 juta telah diluluskan untuk 23 projek yang perlu disiapkan dalam tempoh 2 tahun iaitu sehingga akhir 2010. KKR telah membelanjakan peruntukan PRE Fasa 2 sebanyak RM256.9 juta atau 30.0% sehingga penghujung 2009.

Bagi membantu rakyat di dalam saat kemelesetan ekonomi ini, Kerajaan juga telah memberi insentif kepada rakyat melalui penangguhan kenaikan kadar tol di 5 lebuh raya di Malaysia serta program rebat bagi pengguna kerap. Bagi tujuan tersebut, pada tahun 2009, KKR telah diberikan peruntukan tambahan di bawah PRE melalui peruntukan Belanja Mengurus Kementerian Kewangan sebanyak RM680.0 juta. Peruntukan RM480.0 juta adalah untuk bayaran pampasan tol dan baki adalah bagi pelaksanaan projek-projek yang dapat disiapkan dalam masa yang singkat. Secara keseluruhan, KKR telah membelanjakan sebanyak 89.6% dari keseluruhan peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi.

| BIL | PROGRAM | PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI - FASA 1 (B 11) | PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI - FASA 2 (P 27) | PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI - FASA 2 (Tambahan) (B 11) | JUMLAH BESAR |
|-----|-----------------------|--|--|---|-----------------|
| 1. | SILING DILULUSKAN | RM95,000,000 | RM853,700,000 | RM565,580,000 | RM1,514,280,000 |
| 2. | PERUNTUKAN TAHUNAN | | | | |
| | TAHUN 2009 | RM95,000,000 | RM357,749,400 | RM565,580,000 | RM1,018,329,400 |
| | TAHUN 2010 | - | RM495,950,600 | - | RM495,950,600 |
| 3. | PRESTASI PELAKSANAAN | | | | |
| | DALAM PEMBINAAN | 0 | 19 | 0 | 19 |
| | PROJEK SIAP | 435 | 3 | 150 | 588 |
| | JUMLAH | 435 | 22 | 150 | 607 |
| 4. | PRESTASI PERBELANJAAN | | | | |
| | JUMLAH BELANJA | RM94,239,497 | RM256,907,039 | RM495,939,071 | RM847,085,608 |
| | PERATUS BELANJA | 99.20% | 71.80% | 87.70% | 55.90% |

*Sehingga 31 Disember 2009

prospek & strategi pembangunan

Dalam ucapan Y.A.B Perdana Menteri Malaysia pada 27 Julai 2009 bertajuk “Merevolusi Pengurusan Perkhidmatan Kerajaan: Pencapaian Diutamakan” telah memperkenalkan pendekatan baru Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan mengumumkan 6 sasaran keberhasilan utama nasional (NKRA) yang perlu dicapai. Salah satu sasaran yang diusulkan oleh beliau yang perlu dicapai oleh Kementerian Kerja Raya ialah NKRA No.4 : Meningkatkan Tahap Kemampuan Kualiti Hidup dan NKRA No.5 : Memperkasa Prasarana Luar Bandar dan Pedalaman.

Untuk mencapai teras berkenaan, Kementerian Kerja Raya telah membuat perancangan dan langkah strategik pembangunan dalam Rancangan Malaysia ke-10(RMKe-10) khususnya pembangunan infrastruktur jalan dan jambatan di seluruh Malaysia. Di antara langkah strategik yang akan diambil adalah:

memperluaskan rangkaian jalan raya yang menghubungkan pusat pertumbuhan ekonomi dengan kawasan pertumbuhan baru. Pendekatan ini dapat menyokong pembangunan ekonomi koridor. Aksesibiliti yang meluas, mencukupi dan berkualiti menyumbang kepada kualiti hidup yang baik. Dengan memberikan tumpuan sosial negara iaitu dengan menyediakan rangkaian jalan raya di kawasan pedalaman luar bandar agar dapat meningkatkan pengeluaran produk ke kawasan pasaran;

meningkatkan tahap keselamatan jalan bagi memastikan harapan Kerajaan iaitu kurang daripada 2 kematian bagi setiap 10,000 km kenderaan berdaftar dapat dicapai. Statistik menunjukkan 65.6% kemalangan jalan raya berlaku di Jalan Negeri dan Jalan Perbandaran, 9.5% di lebuhraya dan 25% di Jalan Persekutuan. Strategi membina lorong motosikal perlu diteruskan memandangkan hampir 60% kemalangan maut melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal;

meningkatkan tahap keselesaan jalan bagi memastikan perjalanan selesa dan lancar. Untuk tujuan ini, kemudahan Rehat dan Rawat (R&R) di setiap 80 km hingga 100 km dan Hentian Sebelah bagi setiap 25 km hingga 50 km perlu dibina di kawasan strategik di jalan-jalan Persekutuan. Selain itu, kadar kesesakan lalu lintas ke pusat pertumbuhan dan pusat bandar perlu dikurangkan dengan penyuraian trafik melalui pembinaan jalan pintas dan menaiktaraf persimpangan berlampu isyarat;

memberi penekanan kepada sektor Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) bagi memastikan perkhidmatan yang diberi sentiasa mempunyai peningkatan dalam mutu dan kecekapan dengan menyediakan peruntukan yang mencukupi kepada sektor (R&D) dalam inovasi dan teknologi pembinaan seperti pembangunan *Polymer Modified Asphalt* (PMA) terutama di laluan kenderaan berat;

